

Konsep PADI dalam Penulisan Karangan Naratif

Rohani Ismail
rohani_ismail@moe.edu.sg

Faridah Taib
Rose Ghani
Mastura Ahmad
Suhaila Abdul Rauf

**Sekolah Menengah Broadrick
Pusat Bahasa Melayu Singapura**

ABSTRAK

Guru-guru mendapati bahawa para pelajar gemar menjawab soalan karangan berbentuk naratif. Namun, hasil penulisan mereka didapati kurang menarik dan kurang baik dari segi bahasa. Lantaran, bagi mengatasi situasi sebegini, guru-guru bahasa Melayu telah memperkenalkan konsep 'P.A.D.I' – akronim untuk **P**erasaan, **A**ksi, **D**ialog dan **I**lham. Pengenalan kepada Konsep P.A.D.I ini juga telah dijadikan sebagai Kajian Pengajaran (Lesson Study) pada tahun 2011. Kumpulan sasaran adalah pelajar Menengah 2 Ekspres. Berdasarkan Kajian Pengajaran ini, para pelajar berjaya memahami konsep 'P.A.D.I' dan mengaplikasikan konsep 'PADI' tersebut dalam penulisan karangan naratif. Pendekatan Kajian Pengajaran atau *Lesson Studies* telah digunakan bagi meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan kesan yang menggalakkan bagi pembelajaran pelajar. Karangan naratif yang dihasilkan pelajar didapati lebih menarik dari segi idea dan muta bahasa yang digunakan oleh pelajar bertambah baik dan bermutu. Justeru itu, guru-guru bersetuju bahawa Kajian Pengajaran ini dapat membantu mengurangkan dan seterusnya mengatasi masalah para pelajar.

Kata Kunci:

Kajian Pengajaran, Penulisan Naratif, Perasaan, Aksi, Dialog, Ilham

PENGENALAN

Guru-guru mendapati bahawa secara keseluruhan pelajar-pelajar amat cenderung untuk memilih karangan berbentuk naratif kerana menganggap karangan jenis ini lebih mudah jika dibandingkan dengan bentuk karangan ekspositori ataupun deskriptif. Namun begitu, hasil karangan pelajar didapati agak lemah kerana kurang menarik dari segi jalan cerita dan bahasanya. Setelah dikaji, hasil karangan pelajar didapati menggunakan gaya penulisan menceritakan semula, tanpa penggunaan dialog, frasa-frasa berbunga dan pelajar sering menggunakan urutan plot yang kurang menarik.

Bagi menangani situasi sebegini, guru-guru bahasa Melayu telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Kajian Pengajaran yang lebih fokus dalam membantu pelajar dari segi penulisan. Guru-guru telah memperkenalkan konsep 'PADI' – akronim untuk **P**erasaan, **A**ksi,

Dialog dan Ilham. Pengenalan kepada Konsep PADI ini juga telah dijadikan sebagai Kajian Pengajaran (*Lesson Study*) pada tahun 2011.

Dengan memperkenalkan konsep 'PADI', guru berharap dapat membantu pelajar menulis karangan dengan lebih baik dan menarik dari segi idea dan bahasa. Pemberatan markah untuk Kertas 1 terutama sekali Bahagian B (Karangan) adalah besar dan penting. Bahagian ini pasti menjejaskan keputusan peperiksaan pelajar-pelajar secara keseluruhan. Oleh sebab itu guru memilih tajuk tersebut dengan harapan dapat membantu pelajar mempertingkatkan keupayaan mereka menulis dan seterusnya meraih keputusan keseluruhan peperiksaan yang lebih baik dalam subjek Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan pelajar didapati gemar memilih untuk menjawab soalan karangan naratif, tetapi hasil karangan yang mereka tulis kurang baik dan tidak menarik. Komponen menulis karangan merupakan komponen yang penting dalam peperiksaan dan pemarkahan. Markah yang diperoleh boleh membantu pelajar meraih markah yang cemerlang dalam subjek tersebut. Oleh itu, kumpulan kajian pengajaran ini telah memilih untuk menumpukan perhatian kepada aktiviti bahagian mengarang sebagai bahan kajian.

Guru memilih untuk memperkenalkan konsep 'PADI' sebagai aktiviti utama supaya pelajar mendapat pendedahan kepada cara pembelajaran menulis karangan naratif yang lebih baik dan berstruktur. Dengan mengenalkan konsep PADI ini diharapkan dapat membantu pelajar menggunakan konsep yang telah dipelajari secara sedar ketika mengarang dan menulis karangan jenis naratif.

Sebelum pendekatan kajian pengajaran dijalankan oleh kumpulan guru, keputusan peperiksaan pelajar pada tahun 2010 telah dianalisis. Penelitian tersebut menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai masalah untuk lulus dalam subjek bahasa Melayu. Namun begitu, dari segi peratusan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang bagi subjek bahasa Melayu tidak menggalakkan. Guru juga meneliti hasil karangan pelajar dan mendapati karangan pelajar hanya berbentuk menceritakan semula, tanpa penggunaan dialog atau frasa-frasa berbunga yang berkesan serta mengandungi pembinaan unsur plot yang kurang menarik. Oleh itu, guru mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah ini dengan menjalankan kajian pengajaran. Oleh yang demikian, guru telah mengambil inisiatif untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar dengan melibatkan diri dalam kajian kajian pengajaran. Setelah meneliti dan mengikuti beberapa perkongsian di Seminar Bahasa Melayu anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura dan berbincang dengan Guru Pakar, kumpulan kajian pengajaran melaksanakan pendekatan kajian pengajaran menggunakan konsep PADI untuk membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dari segi penulisan.

MATLAMAT KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan konsep PADI dalam penulisan naratif pelajar
2. meneliti keberkesanan penggunaan konsep PADI dalam meningkatkan mutu bahasa dan jalan cerita dalam penulisan pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenai penggunaan pendekatan Kajian Pengajaran dan keberkesannya. Darling-Hammond & McLaughlin (1995) menyatakan kajian penyelidikan digunakan untuk berkongsi pandangan terhadap perkembangan profesional guru yang efektif dan berkesan.

Rahayu (2005), pula berpendapat bahawa Kajian Pengajaran dilakukan di dalam kelas dengan tujuan untuk memahami pelajar dengan lebih baik dan dilakukan secara bersama-sama dengan guru lain. Ini juga merupakan tujuan mengapa kajian pengajaran dilaksanakan di sekolah. Dengan menjalankan kajian pengajaran, guru boleh bekerjasama dan meraih manfaat yang boleh diraih bersama dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik darjah.

Konsep karangan naratif juga telah mendapat perhatian ramai pengkaji. Mahzan Arshad (2003), mengatakan bahawa teks naratif menampilkan pelbagai cerita dan disusun dalam satu pola yang mengandungi bahagian pengenalan, perkembangan dan akhiran. Kumpulan guru dalam kajian pengajaran ini turut menumpukan pada unsur-unsur penting dalam penulisan agar pelajar mahir dalam menyediakan struktur menulis yang lebih teratur dan bersistem.

Yahya Othman (2005) pula menyatakan penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Oleh yang demikian, kumpulan guru berpendapat bahawa dengan pengenalan dan penggunaan konsep PADI ini akan memberikan pelajar kemahiran dan cara untuk memperbaiki hasil penulisan mereka.

Sehubungan dengan hal ini, Nik Safiah Karim (2004), berpendapat proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai, jika dibandingkan dengan kemahiran bahasa yang lain dan ramai orang tidak mahir menulis.

KAEDAH KAJIAN

Setelah meneliti masalah kajian yang menjadi keprihatinan guru dalam pengajaran dan pembelajaran, kumpulan guru telah bersetuju untuk melaksanakan kajian yang menggunakan pendekatan kajian pengajaran. Guru menggunakan Kajian Pengajaran bersifat eksperimental kepada kumpulan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Kajian pengajaran yang dijalankan mengikut prosedur yang telah ditentukan lebih awal. Di peringkat awalnya, guru mengenal pasti dan berbincang mengenai perkara yang menjadi fokus kajian yang akan dijalankan.

Kumpulan guru berbincang dan mendapatkan pandangan guru pakar mengenai perancangan dan pelaksanaan kajian yang bakal dijalankan. Setelah itu, guru memberi fokus kepada perbincangan mengenai bahan dan kemahiran bahasa yang ingin ditekankan dalam kajian. Pembinaan bahan pengajaran mengambil kira pandangan kumpulan guru bagi memastikan pelajaran yang dirancang telah diteliti dan dirancang sebaik yang mungkin. Dalam proses ini, segala maklum balas diambil kira bagi memastikan pelajar meraih manfaat yang maksimum apabila pengajaran kajian dilaksanakan.

Proses pembelajaran ini memuatkan Rancangan Pengajaran Kajian Kitaran 1 dan Kitaran 2. Setiap rancangan pengajaran telah dibincangkan oleh kumpulan kajian pengajaran bagi memastikan pembaikan dilakukan demi menyediakan pengalaman pembelajaran yang menarik, bermakna dan berkesan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. (Sila rujuk Lampiran 1 dan 2 bagi perincian mengenai maklum balas kumpulan guru bagi memperbaiki proses pembelajaran bagi Kitaran 1 dan Kitaran 2 kajian pengajaran yang dilaksanakan.)

Strategi pengajaran yang digunakan semasa Kajian Pengajaran ini dijalankan adalah pembelajaran secara kooperatif. Dalam pengajaran yang dilaksanakan, pelajar melengkapkan tugas secara kumpulan seperti aktiviti mengenal pasti elemen-elemen dalam konsep P.A.D.I dan menulis bahagian-bahagian tertentu karangan (pendahuluan dan klimaks). Ketua kumpulan yang dilantik dalam kalangan pelajar akan melakukan pembentangan dari hasil tugas yang diberikan oleh guru.

Kajian Pengajaran yang dijalankan melalui dua proses kitaran kajian. Kitaran kajian pertama dijalankan pada 24 April 2011. Cikgu Rose Ghani merupakan guru pelaksana bagi Pengajaran Kajian ini. Kitaran Kajian yang kedua dilaksanakan pada 3 Ogos oleh Cikgu Faridah Taib.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 16 orang pelajar Menengah 2 Ekspres tahun 2011. Kaedah Kajian Pengajaran yang dijalankan berbentuk eksperimental dan diadakan sebanyak dua kali pusingan iaitu pada 28 April 2011 dan 3 Ogos 2011.

Guru Pakar dari Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan, turut serta berperanan sebagai Orang yang Berwibawa atau *Knowledgeable Others* semasa kajian ini dijalankan. Beliau turut memantau penyelidikan pengajaran dan memberikan nilai tambah kepada proses kajian yang dijalankan.

Prosedur Kajian

Kajian Pengajaran I

Kajian Pengajaran dijalankan dengan menggunakan kaedah pengajaran dalam kelas. Proses untuk membina Kajian Pengajaran meliputi merangka langkah pengajaran, pengumpulan data-data ujian prakajian, poskajian dan soal-selidik.

Kajian Pengajaran memberikan fokus kepada aspek pemerhatian pada sikap dan cara belajar para pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kajian Pengajaran ini berpusat pada para pelajar sementara para guru dalam kumpulan kajian bertindak sebagai pemerhati semasa guru utama menjalankan pengajaran.

Kajian pertama diadakan pada 28 April 2011. Guru telah menggunakan strategi pembelajaran kooperatif dalam pengajaran. Alat bantu video digunakan untuk merakam kegiatan pelajar dalam sesi pengajaran yang dijalankan.

Pengajaran bermula dengan guru menerangkan objektif pengajaran. Guru menayangkan klip video dari laman *youtube* yang mengandungi sebuah lagu berjudul

‘Mentera Semerah Padi’ yang dinyanyikan oleh M. Nasir untuk mengaitkan perkataan padi dengan konsep ‘P.A.D.I.’ yang diperkenalkan oleh guru. Guru menerangkan pemilihan lagu tersebut dan meminta pelajar memberikan beberapa peribahasa Melayu yang menggunakan perkataan padi.

Langkah kedua pengajaran memerlukan guru menerangkan konsep akronim ‘P.A.D.I.’ iaitu yang terdiri daripada elemen dan akronim berikut. Setiap elemen diberikan warna tertentu untuk membezakan penggunaannya.

P = Perasaan (Biru)
A = Aksi (Hijau)
D = Dialog (Merah)
I = Idea (Hitam)

Seterusnya, guru menerangkan dengan lebih terperinci setiap elemen dan memberikan contoh-contoh relevan yang dipetik daripada cerpen ‘Ayah’. Contoh petikan bagi setiap elemen adalah seperti yang berikut:

- a. Perasaan - Perasaan ialah sesuatu yang dirasa dalam hati. Contohnya ialah perasaan marah, sedih, gembira dan sebagainya.

Contoh:

Betapa terguris tangkai jantung hatiku pada saat dan ketika itu. Titisan air mataku tergantung di dagu, kemudian jatuh satu persatu.

- b. Aksi - Aksi ialah tingkah laku, sikap atau gerak-geri.

Contoh:

Aku terkenang saat kata-kata kesat tersebut dilafazkan dengan lantang.

Aku menapak berat ke arah muka pintu. Daun pintu kubuka, kakiku melangkah keluar dari rumah yang selama ini aku ibaratkan seperti syurga.

- c. Dialog – Dialog ialah kata-kata yang dituturkan oleh watak.

Contoh:

“Keluar engkau dari rumah ini, anak yang tak tahu untung. Pergi berambus!”

- d. Idea – Idea ialah buah fikiran, gagasan dan jalan cerita. Idea cerita mengandungi permulaan, konflik, klimaks, dan penyelesaian.

Contoh:

*“Keluar engkau dari rumah ini, anak yang tak tahu untung. Pergi berambus!”
suara ayah menerjah masuk kedua belah kuping telingaku.*

Langkah seterusnya, guru memberi arahan kepada pelajar untuk mengenal pasti dan menandakan elemen-elemen konsep 'P.A.D.I' yang terdapat dalam perenggan yang telah ditentukan dalam cerpen 'Ayah'. Kemudian, ketua kumpulan membentangkan dapatan mereka.

Setelah pelajar mengenali konsep 'P.A.D.I', mereka ditugaskan untuk menulis bahagian pendahuluan sebuah karangan yang bertemakan 'Pengorbanan'. Pelajar boleh merujuk dan menggunakan senarai frasa berbunga yang diberi terlebih dahulu. Ketua kumpulan akan membentangkan hasil karangan bahagian pendahuluan tersebut.

Semasa guru utama menjalankan pengajaran dan pembelajaran, guru-guru pemerhati akan menilai respons para pelajar. Setelah itu, perbincangan dijalankan oleh guru-guru yang terlibat dalam Kajian Pengajaran ini.

Berdasarkan pusingan Kajian Pengajaran yang pertama, guru-guru telah mendapatkan maklum balas dan saranan daripada Orang yang Berwibawa. Terdapat bahagian-bahagian pengajaran yang harus diperbaiki pada pusingan Kajian Pengajaran selanjutnya.

Kajian Pengajaran pusingan kedua telah dijalankan pada 3 Ogos 2011, setelah dilakukan beberapa perubahan pada Kajian Pengajaran I. Perubahan-perubahan yang dilakukan untuk Kajian Pengajaran II adalah seperti yang berikut:

- i) menukar penggunaan video klip lagu yang lebih bersesuaian di bahagian set induksi. Guru telah menggunakan lagu puisi 'Ini Nasi Yang Kusuap' yang dinyanyikan oleh Kumpulan Nuradee. Di samping lagu yang diperdengarkan, klip video tersebut juga menunjukkan proses menanam padi;
- ii) semasa pengajaran, guru mengaitkan lebih lanjut konsep padi sebenar dengan Konsep 'P.A.D.I' dalam karangan. Hasil padi sebenar ialah campuran antara titik peluh, 'darah' petani dan alam semula jadi. Oleh sebab itu, untuk menghasilkan karangan yang baik mesti mempunyai kandungan elemen-elemen konsep 'P.A.D.I';
- iii) memberi setiap kumpulan hanya satu elemen sahaja untuk dikenal pasti dan ditandai dengan warna tertentu; dan
- iv) kumpulan diberi tema baharu, iaitu 'Kejujuran' dan dikehendaki menulis bahagian klimaks karangan tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan kesan yang positif bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada kumpulan guru yang menjalankan kitaran kajian pengajaran. Seperti yang telah ditegaskan oleh kajian-kajian pengajaran yang lain, jelas sekali bahawa dengan bekerjasama dan penglibatan yang aktif dalam kumpulan kajian pengajaran ini, guru mendalami apa yang sebenarnya berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Dalam perkataan lain, guru meneliti respons dan tindak balas pelajar semasa guru menjalankan pengajaran. Hal ini membantu guru untuk meneliti apakah langkah-langkah pengajaran yang berkesan dan bahagian mana pula yang perlu diperbaiki. Guru juga meneliti

kesesuaian bahan pengajaran dan pedagogi yang digunakan. Guru sentiasa meneliti keberkesanan pendekatan dalam membantu proses pembelajaran pelajar.

Impak Kepada Guru

Kajian Pengajaran yang dilaksanakan memberikan impak yang positif dan membina bagi guru. Selain merangsang minat dan kehairahan guru dalam melaksanakan kajian pengajaran yang dirancang, guru juga mendapati bahawa para pelajar bersikap positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Guru mendapati bahawa mereka berpeluang untuk memerhatikan dengan secara teliti dan terperinci bagaimana proses pembelajaran pelajar semasa pengajaran kajian dijalankan. Berikut adalah refleksi para guru mengenai Pengajaran Kajian yang telah dilaksanakan.

Guru yang Menjalankan Pengajaran

Saya amat teruja kerana dipilih untuk menjalankan kelas bagi Kajian Pengajaran ini Topik Kajian Pengajaran yang kami pilih memang baik dan sesuai untuk pelajar. Saya berpuas hati kerana objektif pengajaran dapat dicapai. Pelajar-pelajar diperkenalkan dengan konsep PADI ini dan mereka mengaplikasikan konsep PADI secara sedar semasa menulis karangan naratif, agar dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dan menarik.

- Cikgu Rose Ghani

Sebagai guru bagi Kajian Pengajaran Kitaran 2, saya berpendapat bahawa pelajar-pelajar begitu baik dari segi kelakonan. Mereka dapat memberi respons dengan baik semasa guru memberikan soalan rangsangan dan semasa menjalankan aktiviti yang diarahkan guru. Pelajar-pelajar lebih memahami konsep PADI tersebut.

- Cikgu Faridah

Guru Pemantau 1

Dengan memperkenalkan konsep PADI ini, pelajar-pelajar mendapat pendedahan yang baik dari segi strategi untuk menulis karangan yang lebih bermutu dan baik.

- Cikgu Rohani

Guru Pemantau 2

Secara keseluruhan, Kajian Pengajaran yang dijalankan sungguh baik terutama sekali langkah induksi. Walaupun klip video yang digunakan agak padat dari segi isi, namun klip video tersebut iaitu puisi lagu Ini Nasi Yang Kusuap oleh kumpulan Nuradee telah menimbulkan kesedaran kepada pelajar dan mereka dapat menghargai jasa petani serta rezeki yang mereka perolehi.

- Cikgu Mastura

Guru Pemantau 3

Sebagai guru baru dalam kumpulan Kajian Pengajaran, saya berbesar hati kerana dapat melibatkan diri dalam Kajian Pengajaran ini. Saya dapati pelajar-pelajar amat responsif dan dapat melakukan tugas yang diberi dengan baik, walaupun terdapat sebahagian pelajar yang agak kecoh ketika melakukan tugas yang diberi. Konsep PADI yang diperkenalkan amat mudah untuk mereka ikuti dan saya harap mereka dapat terus menggunakan konsep ini ketika mengarang karangan naratif.

- Cikgu Suhailah

Impak kepada Murid

Daripada pemerhatian dan pertanyaan yang diajukan kepada pelajar didapati bahawa pelajar dapat memahami konsep PADI yang baru diperkenalkan. Pelajar juga dapat mengaplikasikan konsep PADI dalam karangan naratif. Pelajar didapati juga lebih berkeyakinan dan secara sedar menggunakan konsep PADI apabila mengarang karangan naratif.

Guru juga mendapati bahawa pelajar dapat menghasilkan karangan naratif yang lebih baik dan menarik dari segi bahasa dan idea. Pelajar mendapati bahawa konsep yang diperkenalkan mudah difahami. Mereka lebih yakin atau konfiden untuk menggunakan pendekatan yang dipelajari dalam karangan mereka. Daripada refleksi pelajar, rata-rata mereka menyukai konsep yang dipelajari kerana mudah difahami dan mereka bebas menggunakan pelbagai warna sesuai dengan keperluan pembelajaran mereka.

Analisis keputusan pelajar

Kumpulan kajian pengajaran telah meneliti pencapaian pelajar sebelum dan selepas penggunaan dan pendekatan yang menggunakan konsep PADI dalam pengajaran dan pembelajaran. Jelas sekali bahawa setelah penggunaan konsep PADI diperkenalkan, terdapat peningkatan dalam peratusan pelajar yang cemerlang dalam kelakonan mereka dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Data ini juga menunjukkan bahawa, semakin mahir pelajar kepada penggunaan konsep PADI, peratusan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan meningkat dari tahun 2011 hingga ke tahun 2012.

Keputusan adalah berdasarkan pencapaian kumpulan sasaran Menengah 2 Ekspres (2011).

Jadual 1: Tahun 2010 (Sebelum konsep PADI diperkenalkan):

Peperiksaan	% Lulus	% Cemerlang
SA 1	100	0
SA 2	100	12.5

Sebelum pendekatan dan penggunaan konsep PADI diperkenalkan kepada para pelajar iaitu pada tahun 2010, tidak ada pelajar yang meraih keputusan cemerlang walaupun kesemuanya lulus dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Namun, setelah konsep PADI diperkenalkan kepada para pelajar tahun 2011, peratusan pelajar yang meraih keputusan cemerlang mula meningkat.

Jadual 2: Tahun 2011 (konsep PADI diperkenalkan)

Peperiksaan	% Lulus	% Cemerlang
SA 1	93.8	43.8
SA 2	100	18.8

Jadual 3: Tahun 2012 (pelajar sudah tahu menggunakan konsep PADI)

Peperiksaan	% Lulus	% Cemerlang
SA 1	100	70.6
SA 2	100	41.2

Peratusan cemerlang tertinggi dapat dilihat pada tahun 2012 berdasarkan keputusan peperiksaan SA1. Soalan peperiksaan pada Kertas 1 Bahagian B hanya memberi tumpuan kepada karangan jenis naratif untuk menguji kebolehan pelajar mengarang dengan menggunakan konsep PADI yang telah diajar. Daripada keputusan yang dicapai, dapat dirumuskan bahawa dengan memperkenalkan konsep PADI, dapat membantu pelajar mengarang karangan jenis naratif dengan lebih baik dan menarik dari segi bahasa dan idea.

KESIMPULAN KAJIAN

Melalui kaedah Kajian Pengajaran (*Lesson Study*) yang dijalankan, serta memperkenalkan konsep PADI kepada para pelajar dan mengaplikasikan konsep tersebut, dapat dirumuskan bahawa terdapat peningkatan dari segi kualiti dan kreativiti dalam hasil penulisan karangan para pelajar. Pelajar secara sedar dapat menggunakan konsep tersebut dengan baik. Penggunaan elemen-elemen konsep PADI dapat membantu pelajar menulis karangan yang berkualiti dari segi bahasa dan idea. Konsep 'P.A.D.I' ini akan seterusnya diperkenalkan kepada para pelajar menengah satu hingga tiga. Kumpulan guru pengkaji berharap dengan penggunaan konsep PADI, para pelajar akan terus dapat menghasilkan karya yang bermutu dan mencapai prestasi yang cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Darling-Hammond & McLaughlin (1995). Archived: Rethinking Professional Development. Dipetik pada 17 April, 2012 dari <http://www2.ed.gov/pubs/IASA/newsletters/profdev/pt1.html>
- Lewis, C. & Tsuchida, I. (1998). *A lesson is like a swiftly flowing river: Research Lessons and the improvement of Japanese education*. American Educator, Winter, 14-17 & 50-52.
- Mahzan Arshad (2003). *Pendidikan literasi bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahayu, Sri. 2005. *Lesson Study Sebagai Model Pengembangan Profesi Guru dalam Upaya Meningkatkan Pembelajaran MIPA*. Makalah disampaikan dalam seminar dan workshop Lesson Study di FMIPA UM, 21 Juni 2005.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

PROSES PEMBELAJARAN KAJIAN

Rancangan Pengajaran Kajian (Kitaran 1)

Matlamat Pengajaran

Pelajar dapat:

1. mengenali konsep “PADI”
2. menulis karangan naratif deng menggunakan konsep “PADI”.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru (soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
5 minit	<p>Induksi</p> <p>Guru memberitahu pelajar yang mereka akan diajar sesuatu yang baru.</p> <p>Guru menayangkan klip video lagu “Semerah Padi” nyanyian M. Nasir.</p> <p>Guru menerangkan objektif penayangan klip video dan mencungkil pengetahuan pelajar dengan bertanyakan soalan rangsangan berkaitan dengan padi.</p>	<p>Pelajar duduk dalam kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai 6 orang pelajar.</p> <p>Pelajar berasa ghairah dan cuba meneka pengajaran yang akan diberi guru.</p> <p>Pelajar menonton klip video lagu Semerah Padi.</p> <p>Pelajar berasa seronok dan gembira menonton klip video nyanyian.</p>	<p>“Pelajar, hari ini kita akan mempelajari sesuatu yang baru. Tetapi sebelum itu saya akan memperdengarkan lagu ini”</p> <p>“Berikan beberapa peribahasa yang berkaitan dengan padi.”</p>	<p>Pelajar dapat memberi beberapa peribahasa seperti ayam bertelur di padi, ikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk, nasi sudah menjadi bubur dan sebagainya.</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru (soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
		Pelajar memberi beberapa peribahasa.		
10 minit	<p>Langkah 1</p> <p><u>Perkembangan</u> Guru menerangkan tentang konsep 'PADI' dengan lebih lanjut. P – Perasaan, A – Aksi, D – Dialog dan I – Idea. Akronim diberi lambang warna iaitu: P (Biru), A (Hijau), Dialog (Merah) dan Idea (Hitam). Guru menerangkan konsep dengan menggunakan slaid 'powerpoint'.</p> <p>Guru menunjukkan slaid contoh-contoh konsep PADI yang mempunyai kod warna berdasarkan petikan cerpen 'Ayah'.</p>	Pelajar menumpukan perhatian dengan penerangan guru dan slaid 'powerpoint' yang ditayangkan.	Slaid ' <i>powerpoint</i> mengandungi penerangan tentang konsep PADI.	Guru mengajukan soalan rangsangan dengan bertanyakan tentang warna-warna tertentu untuk setiap elemen konsep PADI. <ul style="list-style-type: none"> - Apakah warna untuk perasaan? dan seterusnya....
25 minit	<p>Langkah 2</p> <p>Guru memberi salinan petikan cerpen 'Ayah' dan 'highlighter' kepada setiap kumpulan. Pelajar diarah untuk mewarnakan</p>	Secara kumpulan, pelajar mengenalpasti dan menulis semula bahagian-bahagian konsep PADI yang terdapat	Guru menunjukkan petikan bahagian pendahuluan cerpen yang telah diwarnakan berdasarkan konsep PADI.	Pelajar dapat menunjukkan kepelbagaian warna yang berbeza dalam bahagian pendahuluan petikan cerpen berdasarkan konsep PADI.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru (soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	bahagian-bahagian konsep PADI yang terdapat dalam pendahuluan cerpen.	dalam cerpen ‘Ayah’ di kertas sebak. Ketua kumpulan mempersembahkan hasil kerja mereka.		
10 minit	<p>Langkah 3</p> <p>Guru memberi tugas kepada pelajar berdasarkan tema Pengorbanan. Pelajar diarah untuk mengarang bahagian pendahuluan sebuah cerpen.</p> <p>Guru memberi senarai frasa berbunga dan contoh karangan yang baik.</p>	<p>Secara kumpulan, pelajar menjana idea dan menulis bahagian pendahuluan karangan yang bertemakan ‘Pengorbanan’ di kertas sebak.</p> <p>Pelajar berasa teruja semasa melakukan kegiatan tersebut.</p> <p>Ketua kumpulan mempersembahkan hasil penulisan karangan bahagian pendahuluan.</p>	<p>Lembaran kertas sebak untuk murid menulis karangan bahagian pendahuluan, dan “<i>marker</i>” pelbagai warna,</p> <p>Guru memantau kerja setiap kumpulan dan memberi bantuan yang sepatutnya kepada pelajar.</p>	Pelajar dapat menulis tugas yang diberi dan ketua kumpulan membuat pembentangan di dalam kelas.
5 minit	Aktiviti (Penutup)			

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru (soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan? Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>Guru memberi soalan rangsangan kepada pelajar untuk mencungkil pemahaman mereka tentang konsep PADI.</p> <p>Guru membuat rumusan dengan mengulang semula konsep PADI secara ringkas.</p> <p>Guru menekankan penggunaan konsep PADI untuk mendapatkan hasil karangan yang menarik dari segi idea dan bahasa.</p>	<p>Pelajar menumpukan perhatian.</p>	<p>Guru mengajukan soalan-soalan rangsangan. Contoh:</p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan konsep PADI?</p> <p>Apakah warna untuk P, A, D, I?</p>	<p>Pelajar dapat memberi respons dengan betul.</p> <p>Pelajar dapat mempelajari satu konsep baru iaitu konsep PADI dalam menulis karangan naratif.</p>

PROSES PEMBELAJARAN KAJIAN

**Rancangan Pengajaran Kajian (Kitaran 2)
Matlamat Pengajaran**

Pelajar dapat:

1. mengenali konsep “PADI”
2. mengaplikasi konsep “PADI” dalam penulisan karangan
3. menulis dengan lebih baik dan menarik karangan naratif dengan menggunakan konsep “PADI”
4. menggunakan enam atau lebih frasa berbunga.

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
15 minit	<p>Induksi</p> <p>Guru mengarahkan pelajar supaya duduk dalam kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 4 orang.</p> <p>Guru menerangkan objektif pengajaran pada hari itu.</p> <p>Guru menayangkan klip video daripada “Youtube” lagu “Ini Nasi Yang Ku Suap” nyanyian kumpulan Nuradee.</p>	<p>Pelajar duduk dalam kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai 4 orang pelajar. Mereka menunggu arahan selanjutnya.</p> <p>Murid menonton klip video lagu Ini Nasi Yang Kusuap. Mereka berasa seronok dan menonton klip video nyanyian dan menghayati</p>	<p>“Pelajar, hari ini kita akan mengukuhkan lagi pemahaman awak tentang konsep PADI”.</p> <p>Klip video Youtube “Ini Nasi Yang Kusuap” nyanyian Nuradee.</p> <p>Soalan (guru): Apakah pandangan awak tentang puisi lagu tersebut?</p>	<p>Pelajar menghayati klip video dan puisi lagu Ini Nasi Yang kusuap.</p> <p>Pelajar dapat memberi respons yang baik:</p> <p>“Amat menghargai penderitaan kaum tani.”</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>Guru menerangkan objektif penayangan klip video dan mencungkil pengetahuan pelajar dengan bertanyakan soalan rangsangan berkaitan dengan padi.</p> <p>Guru juga menerangkan konsep biji padi yang sebenar dan kaitan padi dengan masyarakat Melayu dengan menayangkan slaid gambar-gambar mengenai proses menanam padi.</p> <p>Guru mengaitkan konsep padi sebenar dengan konsep PADI dalam penulisan karangan.</p>	<p>lirik atau puisi lagu tersebut. Pelajar memberi respons terhadap soalan yang diajukan.</p>	<p>Slaid gambar-gambar proses penanaman padi.</p> <p>Guru menjalin pemahaman pelajar: “Untuk mendapatkan hasil padi, petani banyak berkorban dari segi tenaga, penderitaan dan masalah yang dilalui dari mula proses menanam padi hingga ke musim menuai. Begitu juga dengan proses menulis karangan. Untuk mendapat hasil karangan yang baik dan menarik, kita juga mesti melalui proses sedemikian iaitu dengan memasukkan elemen-elemen Perasaan, Aksi, Dialog dan Idea (PADI).</p>	<p>“Bersyukur kerana dapat makan nasi dan menikmatinya.”</p>
20 minit	<p>Langkah 1</p> <p><u>Perkembangan</u> Guru menerangkan tentang konsep “PADI” dengan lebih lanjut. P – Perasaan, A – Aksi, D – Dialog</p>	<p>Pelajar menumpukan perhatian dengan penerangan guru dan slaid ‘powerpoint’ yang ditayangkan.</p>	<p>Slaid ‘powerpoint’ mengandungi penerangan tentang konsep PADI.</p>	<p>Pelajar dapat memberi respons dengan baik.</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>dan I – Idea. Akronim diberi lambang warna iaitu: P (Biru), A (Hijau), Dialog (Merah) dan Idea (Hitam). Guru menerangkan konsep dengan menggunakan slaid ‘powerpoint’. Guru menunjukkan slaid contoh-contoh konsep PADI yang mempunyai kod warna berdasarkan petikan cerpen ‘Ayah’</p>		Guru mengaju soalan rangsangan dengan bertanyakan tentang warna-warna tertentu untuk setiap elemen konsep PADI.	
25 minit	<p>Langkah 2</p> <p>Guru memberi salinan petikan cerpen ‘Ayah’ dan ‘<i>highlighter</i>’ kepada setiap kumpulan.</p> <p>Pelajar diarah untuk mewarnakan bahagian-bahagian konsep PADI yang terdapat dalam pendahuluan cerpen.</p>	<p>Secara kumpulan, pelajar mengenal pasti dan menulis semula bahagian-bahagian konsep PADI yang terdapat dalam cerpen ‘Ayah’ di kertas sebak.</p> <p>Ketua kumpulan mempersembahkan hasil kerja mereka.</p>	Guru menunjukkan petikan bahagian pendahuluan cerpen yang telah diwarnakan berdasarkan konsep PADI.	Pelajar dapat menunjukkan kepelbagaian warna yang berbeza dalam bahagian pendahuluan petikan cerpen berdasarkan konsep PADI.
25 minit	<p>Langkah 3</p>			

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
	<p>Guru memberi tugas kepada pelajar berdasarkan tema Kejujuran. Pelajar diarah untuk mengarang bahagian klimaks sebuah cerpen.</p> <p>Guru memberi senarai frasa berbunga dan contoh karangan yang baik.</p>	<p>Secara kumpulan, pelajar menjana idea dan menulis bahagian klimaks karangan yang bertemakan Pengorbanan di kertas sebak.</p> <p>Pelajar berasa teruja semasa melakukan kegiatan tersebut.</p> <p>Ketua kumpulan mempersembahkan hasil penulisan karangan bahagian pendahuluan. Pelajar menampal hasil kerja mereka untuk ditonton oleh pelajar lain.</p>	<p>Lembaran kertas sebak untuk murid menulis karangan bahagian pendahuluan, dan “<i>marker</i>” berbagai warna,</p> <p>Guru memantau kerja setiap kumpulan dan memberi bantuan yang sepatutnya kepada pelajar.</p>	<p>Pelajar dapat menulis tugas yang diberi dan membuat persembahan di dalam kelas.</p> <p>Pelajar membuat laluan galeri (<i>Gallery Walk</i>) untuk melihat dan membaca hasil kumpulan lain.</p> <p>Pelajar dapat melihat hasil kerja kumpulan pelajar lain.</p>
20 minit	<p>Langkah 4</p> <p>Guru mengarahkan ketua kumpulan untuk membuat pembentangan hasil kerja kumpulan mereka.</p> <p>Guru mengarahkan pelajar bergerak secara kumpulan untuk ‘<i>Gallery walk</i>’</p>	<p>Ketua kumpulan mempersembahkan hasil penulisan karangan bahagian pendahuluan. Pelajar lain menumpukan perhatian.</p>	<p>Guru memberi sokongan moral kepada pelajar yang melakukan perrsembahan.</p>	<p>Pelajar membuat laluan galeri (<i>Gallery Walk</i>) untuk melihat dan membaca hasil kumpulan lain.</p> <p>Pelajar dapat melihat hasil</p>

Aktiviti Pembelajaran dan Soalan-soalan guru		Reaksi pelajar yang dijangkakan	Sokongan guru(soalan susulan sebagai panduan terhadap pembelajaran pelajar)	Penilaian Bagaimanakah penilaian dilakukan?Apakah wahana (<i>tools</i>) yang digunakan?
Masa	Aktiviti			
		Pelajar menampal hasil kerja mereka untuk ditonton oleh pelajar lain.		kerja kumpulan pelajar lain.
5 minit	<p>Penutup</p> <p>Guru memberi soalan rangsangan kepada pelajar untuk mencungkil pemahaman mereka tentang konsep PADI.</p> <p>Guru membuat rumusan dengan mengulang semula konsep PADI secara ringkas.</p> <p>Guru menekankan penggunaan konsep PADI untuk mendapatkan hasil karangan yang menarik dari segi idea dan bahasa.</p>	Pelajar menumpukan perhatian.	<p>Guru mengajukan soalan-soalan rangsangan. Contoh:</p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan konsep PADI.</p> <p>Apakah warna untuk P, A, D, I</p>	<p>Pelajar dapat memberi respons dengan betul.</p> <p>Pelajar dapat mempelajari satu konsep baru iaitu konsep PADI dalam menulis karangan naratif.</p>

SARANAN DAN DAPATAN PEMANTAUAN

Kumpulan kajian pengajaran melakukan pemerhatian dan pemantauan setiap pelaksanaan pengajaran kajian yang dijalankan. Pemerhatian yang teliti dilakukan termasuklah dari segi perancangan, kebolehtadbiran rancangan pengajaran, strategi pengajaran yang diambil,

bahan-bahan pengajaran yang digunakan serta respons pelajar terhadap pengajaran dan bahan pengajaran yang digunakan dalam proses pembelajaran. Guru-guru pemerhati memberikan input mengenai pengajaran yang dijalankan.

Antara saranan yang dikemukakan ialah mengenai kesesuaian bahan klip video yang digunakan bagi bahagian induksi dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi kitaran pertama, klip video bagi sesi induksi didapati kurang sesuai. Informasi ini membantu guru untuk mendapatkan klip video yang lebih sesuai bagi kitaran pengajaran yang kedua. Daripada kitaran pengajaran yang pertama juga, guru mendapati bahawa beberapa aspek penerangan tentang konsep PADI perlu diperjelas. Guru juga mendapati bahawa dari segi arahan dan aktiviti kumpulan juga boleh diperbaiki bagi memberikan kesan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

Berikut adalah saranan dan dapatan yang diberikan bagi setiap pengajaran kajian yang dilaksanakan. Saranan dan Dapatan Kitaran Pertama merupakan hasil pemantauan yang pertama. Saranan dan dapatan ini akan digunakan untuk memperbaiki rancangan pengajaran yang kedua. Saranan dan dapatan kitaran kedua akan digunakan untuk memperbaiki pengajaran yang seterusnya.

Saranan Dan Dapatan Kitaran Pertama	Saranan Dan Dapatan Kitaran Kedua
<p><u>Maklum balas dari Guru Pakar:</u> <u>Induksi:</u></p> <p>Penggunaan klip video <i>Youtube</i> lagu ‘Semerah Padi’ agak terlalu panjang dan tiada begitu jelas terdapat kaitan dengan pengajaran konsep PADI.</p> <p>Namun, penggunaan slaid gambar-gambar yang menunjukkan proses penanaman padi amat baik dan relevan kerana mempunyai kaitan dengan tajuk pengajaran konsep PADI.</p> <p><u>Langkah-langkah Pengajaran</u></p> <p>Secara keseluruhan, langkah-langkah pengajaran yang dilakukan guru mendapat respons atau maklum balas yang baik dari Guru Pakar Cikgu Mohd Rafi (<i>Knowledgeable Others</i>) yang telah diundang untuk memantau</p>	<p><u>Induksi:</u></p> <p>Setelah mendapat maklumbalas dari Guru Pakar Cikgu Mohd Rafi, guru telah menukar bahan bantuan untuk induksi Guru telah menggunakan petikan klip video puisi lagu Ini Nasi Yang Kusuap, nyanyian kumpulan Nuradee. Guru Pakar amat berpuas hati dengan penggunaan klip video yang amat relevan dengan konsep P.A.D.I yang hendak diajar guru. Klip video ini menunjukkan cara petani menjalani proses penanaman padi dan segala penderitaan mereka dapat dirasai oleh pelajar melalui lirik lagu tersebut. Pelajar dapat meluahkan semula dan memberi pendapat mereka tentang perasaan mereka ketika menonton klip video tersebut.</p> <p><u>Langkah-langkah Pengajaran</u></p> <p>Kekurangan dalam langkah-langkah pengajaran pada kitaran 1</p>

Saranan Dan Dapatan Kitaran Pertama	Saranan Dan Dapatan Kitaran Kedua
<p>Kajian Pengajaran yang dijalankan. Namun terdapat bahagian-bahagian pengajaran yang perlu diperbaik atau disemak semula, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Konsep ‘P.A.D.I.’ tidak dijelaskan dengan lebih terperinci oleh guru, walaupun terdapat slaid powerpoint yang dipaparkan. 2) Arahan yang diberikan kepada pelajar tidak begitu jelas untuk pelajar ikuti. Pelajar agak kurang pasti tentang aktiviti yang patut dilakukan. 3) Setiap kumpulan sepatutnya diberi satu elemen konsep P.A.D.I yang berbeza semasa aktiviti mengenalpasti dan menanda konsep dalam petikan cerpen yang diberikan. 4) Anggota kumpulan sebaiknya mestilah terdiri daripada 4 orang bukan 6 orang. Terdapat beberapa orang pelajar yang kurang fokus seketika semasa pengajaran. 	<p>telah disemak semula dan diperbaiki.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Guru telah menerangkan konsep ‘P.A.D.I’ dengan lebih terperinci dan lebih jelas. Guru menggunakan slaid powerpoint dengan sepenuhnya. 2) Guru juga telah memberi arahan dengan lebih jelas. Pelajar tidak begitu keliru ketika melakukan tugas mereka. 3) Guru memberi satu elemen konsep P.A.D.I kepada satu kumpulan sahaja semasa aktiviti mengenalpasti dan menandakan elemen dalam cerpen yang diberi. Pelajar menjadi lebih tertumpu dan lebih konfiden semasa menjalankan aktiviti. <p>Guru Pakar juga memberi respons yang positif terhadap kelakonan pelajar semasa Pengajaran Kitaran 2 :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pelajar amat teruja ketika melakukan aktiviti mengenal dan menandakan konsep, dan semasa membuat pembentangan hasil tugas mereka. 2) Pelajar dapat mengarang bahagian klimaks secara berkumpulan dan membentangkan hasil karangan mereka dengan baik. <p>Guru Pakar juga memberi pujian terhadap aktiviti yang dipelbagaikan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) semasa Kajian Pengajaran Kitaran 1, pelajar diarahkan untuk

Saranan Dan Dapatan Kitaran Pertama	Saranan Dan Dapatan Kitaran Kedua
	<p>megaplikasikan konsep PADI dalam bahagian pendahuluan, manakala semasa Kajian Pengajaran Kitaran 2 pelajar mengaplikasikan konsep PADI dalam bahagian klimaks karangan.</p> <p>2) Aktiviti Laluan Galeri (Gallery Walk). Pelajar dapat melihat dan menilai hasil karangan dari kumpulan lain. Cara ini dapat juga menunjukkan kepada pelajar tentang kelebihan yang boleh dipelajari daripada kumpulan lain.</p>